

# Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

(Dikumpul, diterjemah dan disusun oleh: Abdul Aziz al-Murshidi)

## Al-Qur'ān

Janganlah kamu sebagai orang yang telah berpecah-belah (bercerai-berai) dan bersengketa, setelah datang kepada kamu beberapa keterangan. Bagi mereka itu azab yang besar.

(Surah Āli-'Imrān: 105)

\* \* \*

Dan bertolong-tolonganlah kamu atas berbuat kebajikan dan takwa, dan jangan kamu bertolong-tolongan atas berbuat dosa dan bermusuhan-musuhan. Takutlah kamu kepada Allah sesungguhnya Allah itu pedih seksanya.

(Surah Al-Mā'idah: 2)

\* \* \*

Dan janganlah kamu ikuti langkah-langkah syaitan, kerana syaitan itu bagi kamu adalah seteru yang nyata.

(Al-Baqarah: 168)

\* \* \*

Katakanlah! Sesungguhnya yang dilarang oleh Tuhanku ialah: Segala yang keji, baik yang terang mahupun yang tersembunyi, berbuat dosa dan aniaya tanpa alasan yang benar: Kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan kekuasaan (hajat) untuknya. Kamu mengatakan kepada Allah (mengadakan sesuatu hukum) apa yang tidak kamu ketahui.

(Al-A'rāf: 33)

\* \* \*

Katakanlah oleh kamu kepada manusia itu perkataan yang baik-baik

(Al-Baqarah: 83)

## Al-Hadīth

Sebab-sebab utama yang menjadikan sesuatu umat (bangsa) itu baik ialah keyakinan dan sifat zuhud (takwa). Dan sebab-sebab utama menjadikan sesuatu umat itu rosak ialah sifat bakhil (kedekut) dan banyak angan-angan (kosong).

(Sha'b Al-Aymān)

\* \* \*

Dua jenis lelaki sahaja yang sentiasa didengki oleh musuh-musuhnya: Lelaki yang dikurniakan Allah rezeki yang murah maka dibelanjakannya rezekinya itu ke jalan yang benar. Dan lelaki yang dikurniakan Allah ilmu pengetahuan yang banyak, maka dipergunakannya ilmunya itu dan diajarkannya kepada orang lain.

(Al-Bukhārī dan Muslim)

\* \* \*

Agama Islam itu lahir di dalam keadaan dagang. Dan ia akan kembali dagang. Berbahagialah orang-orang yang berdagang. (Bersama-sama dengan Islam)

(Muslim)

\* \* \*

Orang yang paling hampir kepada Tuhannya ialah orang yang sedang sujud (dalam sembahyang). Oleh itu perbanyakkanlah oleh kamu akan sembahyang.

(Muslim)

\* \* \*

Sebaik-baik kamu ialah sesiapa yang belajar Qur'an (memahami akan kandungannya) dan kemudian mengajarkannya (kepada orang lain).

(Al-Imām Bukhārī)

## Hukama

Jika Tuhan menghukumkan sesuatu perkara itu halal, maka tiadalah didapati haram di dalamnya, dan jika Tuhan telah menghukumkan sesuatu perkara itu haram, maka tiadalah didapati halal di dalamnya. Inilah ketegasan hukum-hukum Allah.

(Sa'id Bin Al-Musīb)

\* \* \*

Saya tidak melihat sesuatu yang berada di hadapan mata kepala saya, melainkan di sanalah saya melihat kekuasaan Tuhan.

(Muhammad bin Wāsi')

\* \* \*

Orang yang mengenal Tuhan itu pada setiap ketika ia khusyuk (merendahkan diri) kerana ia lebih dekat dengan Tuhannya.

(Dzu al-Nūn Miṣrī)

\* \* \*

Kebenaran itu adalah padang Allah di muka bumi ini, di mana sahaja pandang (kebenaran) itu diletakkan ia akan memuatkannya.

(Abū Yazīd Ṭayfūr)

\* \* \*

Ziarahilah bapamu, hormatilah saudaramu dan perbaikilah budi pekerti dan akhlak anakmu!

(Faḍīl bin 'Iyād)

\* \* \*

Tidur seorang yang alim itu adalah ibadat dan jaga seorang yang jahil itu adalah maksiat.

(Abū Abdullah Ḥārith)